

**Tanjong Karang:** Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Selangor mendedahkan nelayan warga asing dipercayai diupah RM2,000 untuk menangkap ikan di zon larangan perairan negara ini.

Pengarah Maritim Selangor Kepten Maritim V Siva Kumar berkata, pihaknya mengesan perkara itu selepas menahan empat nelayan termasuk tiga warga Myanmar di kedudukan 2.4 batu nautika Sungai Burong di sini, jam 10.30 pagi kelmarin.

Beliau berkata, semua nelayan berusia 25 hingga 35

# Upah Pati RM2,000 rompak hasil negara

tahun ditahan menerusi rondaan rutin Op Ehsan dan Op Benteng Laut.

"Bot dikendalikan empat kru termasuk seorang tekong warga Malaysia.

"Hasil pemeriksaan mendapati bot itu menggajikan kru warga Myanmar dan mereka dipercayai dibayar RM2,000 untuk menangkap ikan di zon larangan," katanya.

Siva Kumar berkata, pemeriksaan mendapati se-

mua warga asing tiada dokumen pengenalan diri yang sah.

"Kita dimaklumkan warga Myanmar ini akan bekerja di bot untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga hingga enam bulan.

"Bot bersama kru dibawa ke jeti Polis Marin Pulau Indah untuk tindakan lanjut dan Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63," katanya.



EMPAT nelayan termasuk tiga warga Myanmar yang ditahan APMM.